

MSIC 2025

PIAWAIAN KLASIFIKASI INDUSTRI MALAYSIA

1. PENGENALAN & DEFINISI

Apa itu MSIC 2025?

- **MSIC 2025** merupakan kerangka standard baharu bagi pengelasan jenis aktiviti ekonomi di Malaysia yang menggantikan klasifikasi MSIC 2008 Versi 1.0.
- MSIC 2025 merupakan edisi keenam bagi piawaian klasifikasi aktiviti ekonomi negara. MSIC yang pertama dikeluarkan pada tahun 1957 berdasarkan ISIC 1948.
- Pengemaskinian MSIC 2025 adalah selari dengan *International Standard Industrial Classification of All Economic Activities (ISIC)* pindaan ke-5 yang diterbitkan oleh *United Nations Statistics Division (UNSD)*.



Ciri-Ciri MSIC



Pengelasan Aktiviti Ekonomi

Pengelasan aktiviti pengeluaran barangan dan perkhidmatan sama ada untuk pasaran atau untuk kegunaan sendiri (dalam dan luar negara).



Mempunyai Struktur Hierarki

MSIC disusun mengikut lima (5) peringkat. Setiap peringkat menyediakan butiran yang lebih terperinci bagi aktiviti ekonomi.



Bersifat Eksklusif

Aktiviti tertentu hanya boleh dimasukkan dalam satu kategori sahaja bagi mengelakkan pertindihan dan kekeliruan aktiviti ekonomi.

2. KEPENTINGAN KOD DAN KLASIFIKASI



Keperluan Asas

Mana-mana sistem statistik perlu mempunyai **konsep, definisi dan klasifikasi standard** untuk mengelaskan data kepada statistik.



Memudahkan Pemprosesan Data Secara Automatik

Sistem komputer dan perisian analitik boleh **memproses kod dengan lebih cepat** dan tepat berbanding teks panjang. Ini penting untuk pengurusan data besar (*big data*) atau sistem pangkalan data.



Memudahkan Penyusunan Data dan Analisis

Menyediakan **rangka kerja yang mudah dan praktikal** untuk mengumpul, menyusun dan menganalisis data daripada lapangan atau sumber pentadbiran.



Menyokong Dasar dan Pelaporan

Memudahkan data dan statistik dijana serta disusun dalam bentuk **pelaporan secara berkala** bagi menyokong pembuatan dasar yang berasaskan bukti (*evidence-based policy*).



Mengurangkan Kesilapan dan Salah Tafsir

Kod mengurangkan **kebergantungan kepada teks** yang boleh membawa maksud berbeza atau pelbagai tafsiran.




Perbandingan di Peringkat Antarabangsa

Penggunaan klasifikasi yang seragam memastikan data dan statistik yang dihasilkan **dapat dibandingkan di peringkat antarabangsa**.



3. EVOLUSI PENGEMASKINIAN ISIC



4. PERUBAHAN UTAMA ISIC REV. 5

● Perincian Perkhidmatan Pengantaraan (Intermediation Services)

Merujuk kepada aktiviti yang bertindak sebagai **orang tengah** atau **broker** antara pembekal dan pelanggan, tanpa menghasilkan atau memiliki barang/perkhidmatan itu sendiri.

● Perincian Seksyen J (Maklumat & Komunikasi - ICT)

Pecahan kepada Seksyen J & K:

J – Penerbitan, penyiaran, kandungan digital.
K – Telekomunikasi, pengaturcaraan komputer, perundingan, infrastruktur pengkomputeran.

● Penyelarasan Industri Pendidikan dengan International Standard Classification of Education (ISCED)

Struktur seksyen pendidikan dikemas kini selaras dengan Klasifikasi Standard Antarabangsa Pendidikan (ISCED).



● Perincian Aktiviti Seni & Budaya

ISIC Rev. 5 memperhalusi kod bidang seni, warisan dan perpustakaan yang diklasifikasikan dengan lebih terperinci.

● Aktiviti Baharu dalam Kewangan

Klasifikasi yang lebih terperinci bagi aktiviti kewangan dan nota penjelasan yang dikemaskini untuk mencerminkan teknologi baharu.

● Penekanan Klasifikasi berkaitan Alam Sekitar

Aktiviti perkhidmatan pemulihan dan pengurusan sisa lain merangkumi aktiviti pemulihan karbon, penangkapan dan penyimpanan karbon. Selain itu, perincian aktiviti penajaan tenaga elektrik daripada sumber tidak boleh diperbaharui dan sumber boleh diperbaharui.



5. EVOLUSI MSIC DOSM




6. PERUBAHAN ISIC & MSIC MENGIKUT VERSI

- a Struktur ISIC daripada UNSD adalah di peringkat **Seksyen (1 Digit)** sehingga Kelas **(4 Digit)**
- b MSIC adalah klasifikasi jenis aktiviti ekonomi yang mengadaptasi ISIC sehingga peringkat Kelas (4 Digit) dan **memperkenalkan Item (5 Digit)** mengikut penyesuaian dan keperluan di peringkat Malaysia.
- c Item (5 Digit) MSIC 2025 berjumlah **1,248**, **meningkat 6.3%** berbanding MSIC 2008

Bil	MSIC	ISIC	Seksyen 1 Digit	Bahagian 2 Digit	Kumpulan 3 Digit	Kelas 4 Digit	Item 5 Digit
1.	MSIC 2025	ISIC Rev. 5	22	88	260	467	1,248
2.	MSIC 2008	ISIC Rev. 4	21	88	238	419	1,174
3.	MSIC 2000	ISIC Rev. 3	17	62	161	298	698
4.	MSIC 1972	ISIC Rev. 2	9	33	72	160	360
5.	MSIC 1967	ISIC Rev.1*	9	44	160	550	n.a
6.	MSIC 1957	ISIC Rev.0*	9	45	113	n.a	n.a



7. INDUSTRI BAHARU MSIC 2025



8. PERBANDINGAN STRUKTUR MSIC 2008 ver.1.0 VS MSIC 2025

Seksyen	Keterangan	Bahagian		Kumpulan		Kelas		Item	
		2008	2025	2008	2025	2008	2025	2008	2025
A	Pertanian, Perhutanan dan Perikanan	3	3	13	14	38	40	142	155
B	Perlombongan dan Pengkuarian	5	5	10	10	14	14	56	46
C	Pembuatan	24	24	71	71	137	141	259	262
D	Bekalan Elektrik, Gas, Wap dan Pendingin Udara	1	1	3	4	3	6	8	11
E	Bekalan Air; Pembetulan, Pengurusan Sisa dan Aktiviti Pemulihan	4	4	6	6	8	8	18	17
F	Pembinaan	3	3	8	9	11	12	72	78
G	Perdagangan Borong, Runcit dan Kenderaan Bermotor	3	3	20	20	47	46	179	193
H	Pengangkutan dan Penyimpanan	5	5	11	13	20	23	47	52
I	Penginapan dan Aktiviti Perkhidmatan Makanan	2	2	6	9	7	10	25	25
J	Aktiviti Penerbitan, Penyiaran dan Penghasilan serta Pengedaran Kandungan	6	3	13	7	23	15	35	18
K	Telekomunikasi, Pengaturcaraan Komputer, Perundingan, Infrastruktur Pengkomputeran		3		8		9		22
L	Aktiviti Kewangan dan Insurans/Takaful	3	3	10	10	18	24	64	71
M	Aktiviti Hartanah	1	1	2	2	2	3	9	9
N	Aktiviti Profesional, Saintifik dan Teknikal	7	7	14	16	14	17	36	40
O	Aktiviti Pentadbiran dan Khidmat Sokongan	6	6	19	18	26	25	58	61
P	Pentadbiran Awam dan Pertahanan; Keselamatan Sosial Wajib	1	1	3	3	7	8	28	29
Q	Pendidikan	1	1	5	6	8	12	21	25
R	Aktiviti Kesihatan Kemanusiaan dan Kerja Sosial	3	3	9	9	9	11	26	28
S	Kesenian, Hiburan dan Rekreasi	4	4	5	10	10	19	38	50
T	Aktiviti Perkhidmatan Lain	3	3	6	11	17	20	49	52
U	Aktiviti Isi Rumah Sebagai Majikan	2	2	3	3	3	3	3	3
V	Aktiviti Badan dan Pertubuhan Luar Wilayah	1	1	1	1	1	1	1	1
22		88	88	238	260	423	467	1,174	1,248

